

**DARI PADIAN KE TAMU KIANGGEH:
PERUBAHAN CORAK PERNIAGAAN
PENIAGA-PENIAGA KECIL DI BANDAR
SERI BEGAWAN, BRUNEI**
*(FROM PADIAN TO TAMU KIANGGEH: CHANGES OF
SMALL SCALE BUSINESS STYLE IN BANDAR SERI
BEGAWAN, BRUNEI)*

¹Haji Tassim Bin Haji Abu Bakar & ²Mohammad Raduan Mohd Ariff

¹Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam

²Department of Southeast Asian Studies, University of Malaya
(tassimhb@hotmail.com)

Abstract

Kampong Ayer in Brunei Darussalam is famous for its local trade between 'Padian' and 'Pengalu'. They sold various types of merchandise to the residents of Kampong Ayer. Such as fish, vegetables, fruits, cakes (kuih-muih) and others food stuff. In addition, there were also manufactured goods and handicrafts made from bronze, silver, gold and fabrics that were exchanged with the 'Pengalu'. At the beginning of the 1970's, the 'Padian' slowly moved to 'Tamu Kianggeh' to continue their business activities. 'Tamu Kianggeh' is situated in the heart of Bandar Seri Begawan and as a meeting place for Bruneian's especially the residents of Kampong Ayer and people from other districts, who came to find their daily necessities as sold by those who were previously 'Padian'.

Keywords: Padian, Tamu Kianggeh, Pengahu, small scale business, Bandar Seri Begawan

Latar Belakang Kampong Ayer

Kampong Ayer merupakan nama sebuah petempatan di Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari beberapa buah kampung terletak di atas permukaan air. Kampong Ayer pada zaman tradisi merupakan sebuah

petempatan yang besar dan berperanan sebagai pusat pemerintahan kerajaan tradisi Brunei. Para sejarawan Negara Brunei Darussalam berpendapat bahawa perkembangan dan sejarah Kerajaan Melayu Brunei mempunyai rantaian yang selari dengan kewujudan dan perkembangan Kampong Ayer. Kewujudan Kampong Ayer telah dicatatkan dalam Syair Awang Semaun, yang berkisar mengenai sejarah Brunei dalam masa pemerintahan Awang Alak Betatar, yang kemudiannya memeluk agama Islam dan menukar namanya kepada Sultan Muhammad Shah, Sultan Brunei yang pertama.

Kampong Ayer telah menjadi pusat pemerintahan dan pentadbiran Negara Brunei sejak zaman tradisi lagi. Sultan-sultan Brunei yang terdahulu sering berpindah-pindah tempat kediaman, dan akhirnya memilih Kampong Ayer sebagai pusat pemerintahan dan pentadbiran sebelum tahun 1906. Penduduk Brunei sebelum 1906, terdiri daripada dua golongan, iaitu Melayu Brunei dan bukan Melayu Brunei. Golongan Melayu Brunei terdiri daripada, pertama golongan Raja-Raja Betaras (*core nobility*), kedua, golongan Pengiran-Pengiran, ketiga golongan Pehin-Pehin Manteri, Manteri Pendalaman, Datu dan Datuk dan keempat golongan rakyat dan penduduk berbangsa Melayu Brunei. Sementara itu golongan bukan beragama Islam terdiri dari puak Belait, Dusun, Murut dan Penan. Puak Melayu Brunei merupakan puak yang terbanyak berbanding dengan puak-puak lain. Puak Melayu Brunei terkenal dengan adat dan kebudayaan yang masih diamalkan sehingga masa kini.

Kampong Ayer terbilang dengan aktiviti perdagangan dan mempunyai pasar atau tamu yang berada di atas air. Barang-barang jualan dimuatkan dalam perahu-perahu kecil yang berkumpul dan berlabuh di pasar atau tamu tersebut. Pedagang-pedagang berniaga di perahu kecil itu terdiri dari kaum wanita yang dikenali sebagai '*padian*'. Pelbagai jenis hasil jualan terdapat dalam perahu tersebut seperti hasil pertanian dan makanan tempatan. Selain aktiviti perdagangan, terdapat pelbagai kegiatan ekonomi tradisi Brunei juga turut dijalankan di Kampong Ayer, terutamanya perusahaan pembuatan yang diusahakan oleh golongan bawahan. Bagaimana pun aktiviti-aktiviti tersebut ada di antaranya telah pupus sama sekali, sementara itu ada sebahagiannya yang masih dapat bertahan hingga ke hari ini.

Setelah datangnya Residen British pada tahun 1906, adat dan kebudayaan puak Melayu Brunei cuba dihakis oleh Residen British dengan cara memindahkan secara perlahan-lahan pusat pentadbiran Kampong Ayer ke kawasan daratan. Dalam waktu yang sama pihak pentadbiran Residen British cuba memberikan suatu peralihan aktiviti ekonomi, iaitu daripada aktiviti ekonomi maritim yang berasaskan laut kepada aktiviti ekonomi agraria yang berasaskan tanah daratan seperti menanam padi, getah dan sagu. Selain daripada itu Residen British juga telah mempelbagaikan ekonomi daratan

Brunei sebelum minyak ditemui pada tahun 1929. Pentadbiran British telah membuka ruang yang luas kepada golongan pemodal asing untuk mengusahakan perlombongan seperti arang batu. Di samping itu peluang yang luas juga dibuka kepada pemodal asing untuk mengusahakan industri kayu balak. Aktiviti perlombongan dan pembalakan telah berjaya menarik ramai penduduk Kampong Ayer untuk berpindah ke darat, bagi memudahkan mereka bekerja dalam kedua-dua sektor tersebut. Bagaimana pun selepas minyak ditemui, ramai penduduk Brunei yang mula melibatkan diri bekerja di sektor industri minyak. Perpindahan penduduk ke kawasan daratan, menyebabkan Kampung Ayer mengalami penurunan bilangan penduduk. Akibatnya banyak aktiviti perdagangan tempatan di Kampong Ayer, yang dikendalikan oleh *pengalu* dan padian mengalami kemerosotan atau pun menunjukkan tanda-tanda kepupusan.

Perdagangan Padian dan Perusahaan-perusahaan Lain di Kampong Ayer

Kampong Ayer sebagai sebuah pusat perdagangan tempatan, mempunyai jalinan perdagangan dengan kawasan petempatan jajahan atau pinggir. Wakil-wakil Sultan dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan mengurus pengeluaran hasil mahsul negeri di petempatan-petempatan jajahan atau pinggir. Hasil-hasil tersebut dihantar kepada kerajaan pusat di Kampong Ayer, yang merupakan pendapatan Sultan dan negara. Para pembesar atau wakil Sultan telah memberikan tumpuan di petempatan jajahan atau pinggir di sebelah barat Pulau Borneo, kerana banyak mengeluarkan hasil hutan, pertanian dan galian. Sementara itu, di sebelah timur Pulau Borneo banyak menghasilkan sumber laut dan pertanian. Oleh kerana kegiatan perdagangan ini bersifat perdagangan tempatan, iaitu di antara kerajaan pusat dengan kawasan petempatan jajahan atau pinggir, maka perdagangan tersebut dilakukan oleh penduduk tempatan daripada golongan orang kebanyakan.

Kegiatan perdagangan tempatan didominasi oleh *pengalu* dan padian. *Pengalu* melakukan kegiatan perdagangan di kawasan pinggir atau sungai-sungai dengan menggunakan perahu besar, berdinding dan beratap segi empat. Kebiasaannya pekerjaan *mengalu* dilakukan oleh kaum lelaki. Mereka merupakan pedagang atau orang tengah yang menjalankan perniagaan dengan penduduk di petempatan jajahan atau pinggir dengan mencari barang-barang dagangan sehingga ke kawasan pesisiran Teluk Brunei.¹ *Pengalu* tersebut membeli barang-barang secara pajak daripada pembekal-pembekal di pesisiran Teluk Brunei. Kemudian barang-barang tersebut akan ditukar dengan barang-barang yang berupa hasil-hasil tanaman daripada penduduk

pendalaman atau penduduk di pinggiran sungai. Barang-barang tersebut diperoleh daripada puak asli seperti Bisaya, Iban, Murut dan Penan yang tinggal di daerah-daerah pedalaman Pulau Borneo.

Sementara itu padian pula terdiri daripada pedagang-pedagang wanita yang berkayuh menggunakan sampan yang dipanggil 'gubang', dari sebuah rumah ke sebuah rumah di sekitar Kampong Ayer, untuk menjual barang-barang keperluan harian seperti beras, sagu, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan, dan kuih muih. Padian memakai penutup kepala yang dipanggil 'siraung' yang diperbuat daripada daun nipah. 'Siraung' ini dipakai sebagai pelindung daripada cuaca panas dan hujan. Melalui kegiatan perdagangan ini, Kampong Ayer menjadi pusat perdagangan tempatan yang semakin berkembang pada masa tersebut.

Gambar 1: Pengalu dan Padian Bertukar Barang Dagangan. Padian Memakai Penutup Kepala Dipanggil 'Siraung'



(Sumber: Jabatan Penerangan, Brunei)

Menurut C.R.Boxer dalam Boxer Codex penduduk Kampong Ayer mempunyai pasar atau tamu yang berada di atas air, selaras dengan petempatan di negeri Brunei yang juga berada di atas air (Haji Muhammad Amin Bin Hassan, 2004, hlm. 97). Pasar atau tamu ini biasanya diadakan dua kali sehari iaitu di sebelah pagi dan petang. Menurut catatan tersebut, bermacam-macam jenis hasil jualan seperti pelbagai jenis hasil pertanian dan makanan tempatan dijual di tamu harian ini. Barang-barang jualan dimuatkan

dalam perahu-perahu kecil (*bancas*) yang berkumpul dengan jumlah lebih daripada 500 buah, berlabuh di pasar atau tamu itu. Perahu-perahu kecil ini didayung oleh kaum wanita (*padian*) seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 1. Mereka menyusur di celah-celah rumah sambil melaungkan jenis jualan masing-masing. Harga jualan tidak tetap, pembeli boleh melakukan proses tawar-menawar.

Selain perdagangan, terdapat pelbagai kegiatan ekonomi tradisi Brunei dijalankan di Kampung Ayer, terutamanya perusahaan pembuatan. Di Kampung Ayer perusahaan pembuatan diusahakan oleh golongan bawahan. Kampung Ayer pada zaman tradisi terkenal dengan tukang emas, perak dan tembaga. Perusahaan-perusahaan ini telah wujud semasa pemerintahan Sultan Bolkuah (Lamat Ja'afar, 1979, hlm. 18). Perusahaan pembuatan ini telah dijadikan perusahaan ekonomi tradisi Brunei yang penting dan menjadi warisan turun temurun. Laporan Antonia Pigafetta pada tahun 1521 Masihi menyatakan bahawa alat bunyi-bunyian yang digunakan ketika itu terdiri dari alat-alat yang diperbuat daripada tembaga (Lamat Ja'afar, 1979, hlm. 18). Di antara hasil perusahaan tembaga yang diusahakan ialah bedil Brunei. Chua Ju Kua juga mencatatkan pelbagai perkara tentang kerajinan dan kemahiran dalam perusahaan dan pertukangan tangan dalam kehidupan masyarakat Kampong Ayer. Mereka boleh bertukang dengan menggunakan bahan daripada emas, perak dan tembaga yang digunakan bagi peralatan perhiasan badan, perhiasan rumah dan peralatan dapur. Selain itu bahan daripada tembaga yang diusahakan untuk pembuatan bedil, telah digunakan bagi tujuan peperangan. Menurut Chau Ju Kua dalam tahun 1225 Masihi bahawa orang-orang Brunei pada ketika itu membawa pedang dan memakai senjata yang dibuat daripada tembaga berbentuk bulat seperti tiub (Nicholl, 1975; Haji Abdul Latif Haji Ibrahim, 2007, hlm. 94-95).

Pertukangan tangan membuat bedil mempunyai unsur pengaruh asing dari China dan Majapahit. Menurut cerita rakyat Brunei, Betara Majapahit telah kalah dalam persabungan ayam dengan Raja Brunei. Betara Majapahit menghadiahkan kesemua harta yang terdapat dalam kapalnya termasuk 40 orang tukang seperti tukang perak, penuang tembaga, tukang emas dan penenun kain kepada Raja Brunei (Haji Abdul Latif Haji Ibrahim, 2007, hlm. 94). Dari sini bermula pertambahan tukang-tukang tersebut sehingga zaman pemerintahan Sultan Bolkuah dan zaman Sultan Saiful Rizal. Baginda menggunakan bedil untuk menyerang dan melawan musuh. Dengan menggunakan bedil baginda menumpaskan pencerobohan tentera Sepanyol ke Brunei pada tahun 1578 Masihi. Penghasilan bedil-bedil diteruskan pada masa pemerintahan Sultan Hassan dalam tahun 1582 hingga 1598 Masihi.

Peningkatan pembuatan bedil semakin bertambah dengan terdapatnya kepakaran kraf tangan orang Brunei sendiri (Sharifuddin, 1969, hlm. 73; Haji Abdul Latif Haji Ibrahim, 2007, hlm. 93-102). Ini menunjukkan seni pertukangan tangan tradisi dapat diwariskan dan diturunkan kepada keluarga tertentu. Pekerjaan pertukangan tembaga pada zaman Brunei tradisi diusahakan di beberapa buah Kampong di Kampong Ayer, antaranya termasuklah Kampong Ujong Bukit, Kampong Sungai Kedayaan dan Kampong Sumbiling .

Perusahaan bertenun kain juga merupakan salah satu kegiatan ekonomi tradisi Brunei yang penting, yang mana telah wujud sejak abad ke-13 lagi. Perusahaan tersebut dilakukan di rumah-rumah penduduk di persekitaran Kampong Ayer. Kain tenunan tersebut diusahakan oleh kaum wanita. Menurut catatan Pigafetta ketika menghadap Sultan Brunei, rombongan mereka telah dihadiahkan setiap seorang dengan kain tenunan Brunei. Kain tenunan Brunei tersebut menjadi pakaian Sultan dan kaum lelaki. Kaum lelaki menjadikan kain tenunan itu seperti sepasang baju Melayu lengkap (baju kebangsaan) bersama seluar berserta kain sarung dengan dasar di kepala bagi Sultan dan para pembesar negeri. Kain tenunan itu juga dipakai oleh kaum wanita sebagai pakaian. Mereka menjadikan kain tenunan sebagai kain jong sarat yang dipakai separuh badan wanita, seperti orang berkemban di kawasan paras dada dan pinggang (Haji Muhammad Amin Bin Hassan, 2004, hlm. 100; Carroll, 1982, hlm. 105-124; *Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer Brunei Darussalam*, n.d.).Perusahaan bertenun kain sudah lama wujud di Brunei, berdasarkan kepada pemakaian songket yang diperbuat daripada benang emas oleh penduduk Brunei, dan juga melalui hubungan Sultan dengan pedagang-pedagang dari Benua China. Sultan telah membawa pakar tenun dari Benua China untuk menetap di Brunei bagi membuat pakaian Sultan, permaisuri dan anak-anak diraja seperti kenyataan berikut:

*The wives and daughters in rich families wear sarongs of fancy brocades,
and of, melted gold coloured silk (Hirth & Rockhill, 1970, hlm. 155).*

Selain itu, terdapat lagi satu perusahaan tradisi Brunei, iaitu membuat perahu, kapal dan rumah. Menyentuh tentang aktiviti pembuatan perahu dan kapal ini setentunya berhubung kait dengan aktiviti menangkap ikan di petempatan Kampong Ayer. Untuk mendapatkan hasil laut penduduk Kampong Ayer perlu memiliki perahu atau kapal untuk ke laut. Oleh kerana itu, penduduk Kampong Ayer perlu tahu membuat perahu. Perahu dan kapal yang dibuat setentunya mempunyai fungsi yang berbeza-beza, seperti perahu digunakan untuk menangkap ikan atau pengangkutan, sementara itu kapal

akan digunakan untuk perdagangan dan peperangan. Perahu tersebut telah digunakan dalam urusan perdagangan di sungai-sungai Brunei terutamanya bagi masyarakat Kampong Ayer terutama *padian* dan *pengalu* yang sudah berpusat di Kota Batu (pusat petempatan dan pemerintahan Brunei sebelum Kampong Ayer) sekitar abad ke-15 Masihi.

Selepas Perang Dunia Kedua, iaitu sekitar akhir tahun 1940an, bot berenjin sangkut telah diperkenalkan. Bot berenjin bukan sahaja digunakan oleh nelayan, malah telah juga digunakan oleh *pengalu-pengalu* yang menjalankan perniagaan tradisi. Sekitar tahun 1940an masih didapati *pengalu* yang menjalankan perniagaan di antara penduduk Kampong Ayer dengan penduduk di sepanjang sungai hingga ke hulu Sungai Brunei. Umpamanya, penduduk Kampong Burong Pingai Ayer menjalankan perniagaan dengan cara bertukar-tukar barang (*barter trade*) dengan penduduk di Kampong Limau Manis, Kampong Pengkalan Batu dan Kampong Masin dengan menggunakan perahu.²

Perahu yang digunakan oleh *pengalu* dalam tempoh ini, lebih besar berbanding dengan zaman sebelumnya. Bagaimanapun dari segi barang yang didagangkan masih sama dengan zaman sebelumnya, seperti ikan, kuih-muih dan barang-barang keperluan dapur. Walaupun mata wang telah digunakan, namun begitu kebanyakan *pengalu* masih mengamalkan perdagangan secara tukar barang. Umpamanya, *pengalu-pengalu* dari Kampong Lurong Sekuna dengan menggunakan perahu enjin sangkut telah pergi *mengalu* ke Sandakan, Sabah bagi mendapatkan berbagai barangan seperti pisang, beras dan sebagainya.³ Setelah bandar Brunei membangun pada awal tahun 1950an, perniagaan cara *pengalu* secara perlahan-lahan telah mulai merosot (Haji Zainuddin Haji Hassan, 1996, hlm. 180). Ini disebabkan terdapatnya pedagang-pedagang Cina di sekitar pusat bandar Brunei yang boleh membekalkan barang-barang keperluan kepada orang tengah dan padian. Oleh sebab itu, hanya padian sahaja yang dapat bertahan dengan bilangannya yang semakin bertambah.

Sekitar tahun 1940an dan 1950an, aktiviti padian masih aktif dilakukan oleh golongan wanita berumur sekitar 40 tahun. Keaktifan padian tersebut terjadi kerana berlakunya pembukaan kampung-kampung air yang baru, akibat daripada pertambahan dalam bilangan penduduk. Wanita-wanita padian dengan mengemudikan bidar atau *gabang* yang sarat dengan barang-barang keperluan harian seperti ikan, beras, buah-buahan, sayur-sayuran, kuih-muih dan lain-lain, berkeliling kampung menjajakan barang dagangan mereka. Padian sentiasa berlegar-legar di persekitaran Kampong Ayer, dari pagi hingga ke petang. Tempat pertemuan di antara padian, *pengalu* dan

nelayan dijadikan sebagai pangkalan padian yang banyak didapati di persekitaran Kampong Saba, Kampong Lurong Sekuna dan Kampong Kuala Peminyak. Padian dalam tempoh ini, terpaksa bekerja keras kerana pada masa ini mereka terpaksa bersaing dengan peniaga-peniaga Cina di Bandar Brunei, yang hampir menguasai keseluruhan bidang perniagaan pada awal tempoh 1950an.

Selain pekerjaan di atas, penduduk Kampung Ayer masih meneruskan perusahaan pembuatan seperti bertenun kain, bertukang emas dan perak, bertukang tembaga serta perusahaan *memburis* perahu. Pada tahun 1950an, perusahaan bertenun kain masih aktif diusahakan oleh kaum wanita, terutamanya di Kampong Burong Pingai Ayer, Kampong Lurong Sekuna dan Kampong Sungai Kedayan. Perusahaan kain tenunan ini masih seperti sebelum Perang Dunia Kedua, iaitu dimiliki, diusahakan dan diwarisi oleh keluarga tertentu. Kain tenunan yang paling diminati ramai dikenali sebagai *Kain Jong Sarat*. Kain tersebut sesuai untuk dipakai dalam pelbagai majlis, termasuk majlis "*mandi belawat*" dan majlis perkahwinan.

Seperti perusahaan menenun kain, perusahaan emas, perak dan tembaga juga diusahakan, dimiliki dan diwarisi oleh keluarga-keluarga tertentu di penempatan Kampung Ayer. Kepakaran dalam perusahaan-perusahaan ini tidak disebarkan kepada masyarakat umum. Ini menyebabkan produk-produk perusahaan ini selalu dikaitkan dengan keluarga dan kampung yang menghasilkannya. Umpamanya, perusahaan tembaga biasa dikaitkan dengan Kampong Ujung Tanjung dan Kampong Sungai Kedayaan. Pada akhir tahun 1940an, keluarga pengusaha perusahaan pertukangan tembaga yang terkenal terdiri daripada keluarga Awang Haji Hasbi berserta dengan saudara-saudaranya yang lain iaitu Awang Metali Bin Abdullah, Haji Awang Ghafar Bin Mat Serudin dan Haji Awang Abd Rahman Bin Yaakub. Selain mendagangkan produk tembaga mereka di Kampung Ayer, mereka juga telah berniaga hingga ke Miri dan Bintulu, Sarawak.⁴ Kehalusan hasil kerja penduduk Kampung Ayer, telah menyebabkan produk-produk tembaga mendapat permintaan yang tinggi daripada penduduk tempatan dan permintaan dari negara-negara jiran. Selain daripada itu pada masa ini, berlaku permintaan yang tinggi terhadap peralatan muzik yang dibuat daripada tembaga seperti *gulingtangan*, tawak-tawak, dan gong. Dalam pada itu permintaan terhadap alat perhiasan rumah yang dibuat daripada tembaga juga tinggi seperti *calapa* dan meriam kecil. Kemasyhuran tukang-tukang tembaga, telah menarik perhatian penduduk pendalaman seperti puak Belait, Dusun dan Iban datang ke Kampung Ayer untuk membeli *gulingtangan*, tawak-awak dan gong.

Kemasyhuran tukang tembaga Brunei mulai tergugat pada awal tahun 1950an, apabila perusahaan tersebut mendapat saingan dari perusahaan tembaga asing yang lebih baik dan tinggi mutu teknologinya. Ini telah menyebabkan ramai daripada tukang-tukang tembaga di Kampong Ayer, meninggalkan perusahaan mereka dan mencari pekerjaan di sektor awam dan pekerjaan di telaga-telaga minyak di Seria.

Selain daripada pekerjaan pertukangan di atas, penduduk Kampong Ayer masih meneruskan pekerjaan membuat atau *memburis* perahu. Pembuat perahu dikenali sebagai *pemburis*. Seperti pekerjaan pertukangan yang lain, kemahiran *memburis* perahu juga diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Jenis perahu yang popular dihasilkan oleh penduduk Kampong Ayer terdiri daripada perahu jenis bidar, *jumpung* dan gubang yang kebanyakannya dijadikan sebagai cara pengangkutan mengambil air, sementara gubang pula digunakan oleh padian bagi menjalankan aktiviti perdagangan. Di antara kampung-kampung yang giat mengusahakan pembuatan perahu ialah Kampong Saba, Kampong Lurong Sekuna dan Kampong Sungai Kebun. Pada tahun 1950an, harga sebuah *jumpung* hanya *berbalasan ringgit*⁵ sahaja.⁶

Selain daripada pekerjaan di atas, sebilangan penduduk Kampong Ayer terlibat dalam kegiatan menambang. Mulai tahun 1952, kegiatan menambang telah mengalami perubahan, di mana enjin perahu telah diperkenalkan bagi menggantikan penggunaan pengayuh. Enjin perahu yang diperkenalkan diimport dari Amerika Syarikat berjenama *Penta*, *Seagull*, *Evinrude* dan *Johnson*. Pada tempoh ini walaupun tidak secara keseluruhan, banyak sudah perahu tambang yang digunakan di persekitaran Kampong Ayer menggunakan enjin. Namun begitu kekuatan kuasa kudanya tidaklah begitu tinggi, iaitu di bawah 20 kuasa kuda. Dengan berenjinnya perahu tambang mempercepatkan lagi pergerakan dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Penggunaan perahu berenjin walaupun terbukti akan keefisienannya, masih belum lagi meluas digunakan di kalangan penambang Kampong Ayer. Ini disebabkan harga untuk mendapatkan enjin tersebut adalah mahal, hanya penduduk yang berkemampuan sahaja boleh memilikinya.

Kewujudan perahu tambang berenjin ini hampir sebaya dengan kewujudan perahu nelayan berenjin yang mula diperkenalkan di Kampong Ayer. Perahu tambang telah mengalami perubahan dari perahu gubang kepada perahu berenjin yang mempunyai kerusi duduk untuk penumpangnya. Dari segi saiz, perahu tambang bersaiz kecil yang boleh memuatkan empat hingga lima penumpang. Lebar dan panjang perahu penambang tidak seragam, yang pasti di bahagiannya terdapat tempat untuk menyangkutkan enjin. Perahu tambang dalam tempoh ini sangat penting

kepada penduduk Kampong Ayer yang tidak mempunyai kenderaan sendiri. Perahu tambang diperlukan untuk mengangkut penumpang berulang alik ke pusat bandar di darat bagi tujuan bekerja dan untuk membeli belah. Penumpang yang menaiki perahu tambang telah mula dikenakan bayaran antara 10 sen hingga 20 sen bergantung kepada jarak tempat yang dituju. Ini disebabkan perahu tambang berenjin telah menggunakan minyak petrol atau diesel bagi menggerakkan perahu tambang tersebut.

Perubahan Pekerjaan Penduduk Kampong Ayer

Penduduk Kampong Ayer dalam tempoh 1950an dan 1960an masih lagi bekerja sendiri atau ada yang bekerja dengan pihak kerajaan. Pekerjaan seperti menangkap ikan, *pengalu*, padian dan juga perusahaan pembuatan tradisi seperti bertenun kain, perusahaan emas dan perak, pertukangan tembaga, dan *memburis* perahu yang diusahakan oleh penduduk Kampong Ayer sejak zaman tradisi, dalam tempoh ini sudah perlahan-lahan mulai pupus. Keadaan ini disebabkan terdapatnya banyak peluang pekerjaan yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam perkhidmatan awam. Penduduk Kampong Ayer bekerja di pelbagai jabatan kerajaan. Selain daripada itu, sebilangan daripada mereka bekerja dengan sektor swasta. Trend pekerjaan penduduk Kampong Ayer pada masa ini ialah bekerja dengan organisasi yang menawarkan pekerjaan tetap dan membayar gaji bulanan.

Dengan wujudnya pentadbiran awam yang lebih teratur, telah mendorong bertambahnya jabatan-jabatan kerajaan di darat, sehingga ramai tenaga kerja di jabatan kerajaan dipelopori oleh penduduk Kampong Ayer. Penduduk Kampong Ayer yang berkebolehan telah menjadi pemimpin tertinggi di jabatan-jabatan kerajaan. Beberapa orang pemimpin di kalangan penduduk Kampong Ayer yang berpengaruh, kerana ketokohan mereka telah berjaya menjawat jawatan penting di jabatan-jabatan kerajaan. Dengan melihat keadaan demikian, secara perlahan-lahan penduduk Kampong Ayer sudah beralih daripada pekerjaan persendirian kepada pekerjaan di jabatan perkhidmatan awam. Sementara itu penduduk Kampong Ayer, terutamanya generasi baru yang mempunyai pendidikan yang baik ternyata kurang berminat dengan pekerjaan tradisi. Mereka lebih bersedia bekerja di sektor kerajaan, walaupun terpaksa berulang alik setiap hari dari Kampong Ayer ke jabatan kerajaan di darat.

Secara ringkasnya, sebahagian daripada kebudayaan tradisi Brunei ada yang telah pupus langsung tanpa dapat bertahan sehingga kini, disebabkan pembangunan yang semakin pesat dan pertumbuhan ekonomi yang semakin

maju. Salah satu warisan budaya Brunei yang sudah pupus ialah pedagang padian.

Dari Padian Ke Tamu Kianggeh

Kianggeh merupakan sebuah tempat yang mempunyai Taman Peranginan terletak di tebing Sungai Kianggeh, di Pusat Bandar Seri Begawan. Di Kianggeh ini letaknya Tamu Kianggeh. Tamu Kianggeh ini dibuka dengan rasminya pada tahun 1960an semasa pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin III, Sultan Brunei ke-28. Pada awalnya Tamu Kianggeh ini dikenali sebagai Taman Peranginan Sungai Kianggeh iaitu tempat untuk orang-orang Kampong Ayer berjumpa antara satu dengan lain, jika mereka pergi menyeberang ke Bandar Brunei. Di belakang Tamu Kianggeh terdapat sebuah kawasan perkuburan orang-orang Islam Kampong Kianggeh. Sekarang Tamu Kianggeh ditadbir oleh Jabatan Bandaran di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Berdekatan dengan Sungai Kianggeh ini terdapat sebuah tasik Limbaruh Buntar yang mengalirkan airnya ke Sungai Kianggeh.⁷ Di tasik ini penduduk berdekatan menikmati keindahannya sambil ada yang mengail, menangkap ikan dan bermandi manda. Sebelum ini, di Sungai Kianggeh juga tempat padian berlabuh dan hilir mudik dari Kampong Ayer dengan *jumpung* kecil atau bidar membawa ikan, lokan, kupang, ikan kering dan lain-lain untuk dijual.

Gambar 2: Jambatan Masuk Ke Tamu Kianggeh



(Sumber: Kajian lapangan, 2012)

Konsep pasar terbuka di darat sudah diperkenalkan oleh para peniaga dengan disebut sebagai tamu. Tamu Kianggeh semakin berkembang apabila padian sudah pupus, antaranya disebabkan ramai penduduk Kampong Ayer memilih untuk bekerja dengan sektor kerajaan dan swasta di daratan. Kepupusan padian juga kerana wujudnya kedai-kedai runcit di Kampong Ayer yang diusahakan oleh masyarakat Cina. Selain itu, pembangunan dalam infrastruktur perhubungan seperti jambatan di Kampong Ayer dan jalan raya di darat, telah memudahkan penduduk Kampong Ayer untuk mendapatkan terus barangan yang diperlukan di kedai runcit tanpa memerlukan khidmat padian. Perkara tersebut menyebabkan barang-barang dagangan padian kurang lagi diperdagangkan dan kemudiannya padian telah mengalihkan perdagangan mereka dari air ke darat di Tamu Kianggeh.

Gambar 3: Tamu Kianggeh di Tebing Sungai Kianggeh



(Sumber: Kajian lapangan, 2012)

Waktu Berniaga di Tamu Kianggeh

Tamu Kianggeh beroperasi setiap hari. Hari Jumaat dan Ahad merupakan hari-hari yang paling ramai para pedagang dan pengunjung, sama ada dari Daerah Brunei dan Muara atau dari daerah lain untuk mencari keperluan masing-masing. Pedagang mula berdagang seawal jam 6 pagi dan berakhir 6 petang,

namun pada hari Jumaat dan Ahad seawal selepas sembahyang Subuh kerana kedua hari tersebut merupakan hari kelepasan awam (*public holiday*). Selain itu, terdapat juga para pedagang di Tamu ini tidak menentukan masa yang tepat untuk memulakan dagangan mereka.

Peniaga Tamu Kianggeh

Kebanyakan peniaga di Tamu Kianggeh terdiri dari wanita yang berumur di antara 40 tahun hingga 70 tahun, berbangsa Melayu Brunei yang berasal dari kampung-kampung yang berdekatan, seperti dari kawasan Kampong Ayer dan Melayu Kedayan dari kampung-kampung di sekitar Daerah Brunei dan Muara. Terdapat juga beberapa orang peniaga berbangsa Cina yang turut berniaga di Tamu Kianggeh. Mereka berniaga dengan menggunakan bahasa Melayu Brunei. Para peniaga di Tamu Kianggeh ini hampir keseluruhan terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Brunei. Para peniaga yang menjual barang-barang dibantu oleh keluarga sendiri dalam lingkungan umur belasan tahun, terutamanya pada hari Jumaat dan Ahad. Dalam hal ini peniaga tidak memerlukan khidmat daripada pekerja asing. Gerai atau lot-lot tempat berniaga dikendalikan oleh pemilik gerai sendiri atau dikendalikan oleh ahli keluarga mereka.

Peniaga di Tamu Kianggeh mempunyai sikap yang mesra dan mudah menegur pengunjung yang datang untuk membeli barang jualan mereka. Mereka menegur dengan cara lembut dan tidak memperlihatkan sebarang tanda paksaan atau mendesak. Peniaga juga akan bertanya apa barang yang hendak dibeli atau dicari oleh pengunjung, dan setelah diberitahu maka peniaga berkenaan akan cuba menolong untuk mencarikannya atau memberitahu di gerai mana pembeli boleh mendapatkan barang yang dicari. Begitu juga jika sekiranya terdapat gerai yang tidak ditunggu oleh peniaga atau pemiliknya, dan di masa tersebut ada barang yang dikehendaki oleh pengunjung, maka peniaga di sebelah menyebelah gerai tersebut akan menolong untuk menjualkan barang-barang yang diperlukan kepada pengunjung yang hendak membelinya. Para peniaga mempunyai sikap tolong ansur dan tolong menolong di antara mereka. Keadaan tersebut menyebabkan ramai pengunjung yang suka datang ke Tamu Kianggeh. Selain daripada sikap tersebut, didapati kebanyakan peniaga suka bersedekah, mereka memberikan sejumlah barang yang dibeli secara percuma kepada pembeli, iaitu tambahan kepada barang yang dibeli. Sikap begini dengan sendirinya memperlihatkan bahawa peniaga tidak menipu dari segi timbangan, dan yang lebih penting memperlihatkan bahawa wang bukan segala-galanya. Perbuatan

tersebut mempamerkan nilai keimanan Islam yang tinggi di kalangan peniaga-peniaga di Tamu Kianggeh.

Barang-barang yang Diperdagangkan

Di Tamu Kianggeh terdapat beraneka jenis barangan yang dijual dan boleh didapati oleh pengunjung. Barang-barang yang dijual dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bahagian sayur-sayuran dan buah-buahan, ikan kering dan udang kering, bahagian kuih dan makanan, bahagian barang pertukangan tangan dan perhiasan. Barang-barang tersebut ada yang diperoleh melalui orang tempatan dan juga ada juga yang mereka beli dari luar negeri.

Bahagian Sayur-sayuran dan Buah-buahan

Sayur-sayuran dan buah-buahan yang dijual oleh peniaga, terdiri daripada buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan yang segar seperti kangkung, sawi, timun, tomato, terung, kubis dan sebagainya. Sementara buah-buahan yang dijual terdiri daripada durian, kelapa (*piasau tua*), *gelagah* (tebu), pisang, mangga, mempelam dan bermacam-macam lagi. *Piasau tua* (kelapa tua) kebanyakannya dibeli oleh golongan tua untuk dijadikan santan bagi digunakan dalam masakan.

Bahagian Pertukangan Tangan, Perhiasan dan Lain-lain

Tarikan utama di Tamu ini bukan sahaja harga barang yang dijual rendah, malahan terdapat juga produk pertukangan tangan yang berkualiti tinggi. Produk yang dibuat oleh penduduk tempatan yang berpengalaman berbeza dengan produk yang didapati di pasar *mini-mart* atau pasar raya. Produk tempatan seperti keris, parang, pisau, bakul, pengayuh, dulang, nyiru, *candas* (alat penyepit seperti '*chopsticks*' untuk makan *ambuyat* iaitu makanan tradisional orang Melayu Brunei) dan sebagainya. (Sila lihat Gambar 7). Harga produk-produk tertakluk kepada barang yang hendak dibeli dengan harga dari antara B\$5.00 sehingga B\$50.00.

Kuih Muih, Makanan dan Ubat-ubatan Herba

Peniaga kuih muih dan makanan terdiri daripada perempuan yang sudah berumur dalam lingkungan 50 tahun. Mereka menjual makanan kering seperti kuih cincin, kuih *buhulu*, kuih jala, kuih *sapit* dan lain-lain. (Sila lihat Gambar 4) Sementara itu kuih basah pula terdiri daripada kuih *penyaram*, kuih *linggang*,

kuih bingka, tapai, calak, selurut dan lain-lain dengan harga B\$1.00 satu bungkus plastik, atau empat atau lima keping kuih dengan harga B\$1.00.

Kuih-kuih ini mendapat sambutan daripada pengunjung-pengunjung yang suka makan kuih-kuih Melayu tradisi. Terdapat juga pengunjung yang mahu menempah kuih muih melebihi 100 keping, bagi tujuan untuk mengadakan majlis doa selamat dan sebagainya. Kebiasaannya pengunjung yang ingin membuat tempahan, sering datang ke gerai peniaga yang biasa dikunjungi mereka. Selain kuih-muih, makanan seperti mi goreng, nasi goreng, nasi lemak, nasi bungkus, cucur pisang, cucur udang dan lain-lain juga dijual dengan harga B\$1.00 satu bungkus atau seplastik.

Gambar 4: Para Peniaga di Tamu Kianggeh di Gerai Makanan Kering



(Sumber: Kajian lapangan, 2012)

Selain daripada makanan di atas, di Tamu Kianggeh ini juga terdapat gerai-gerai lain yang menjual pelbagai jenis bahan-bahan perubatan tradisi seperti pinang, sirih, kapur, barut, minyak urut, akar-akar kayu dan sebagainya. Selain itu alat-alat dan campuran yang digunakan menjelang perkahwinan seperti *bedak lulut* (bedak sebelum pengantin bersiram/mandi), bedak pelbagai warna, lilin, bedak sejuk dan daun-daun yang dikeringkan untuk direbus sebagai air mandian juga turut dijual. Malahan terdapat juga barut yang diperbuat dari kain kapas yang lembut bagi kegunaan ibu-ibu

selepas bersalin dan untuk anak-anak yang baru lahir juga dijual di Tamu Kianggeh ini.

Gambar 5: Para Peniaga yang Menjual Kuih, Ikan dan Udang Kering



(Sumber: Kajian lapangan, 2012)

Gambar 6 : Para Peniaga yang Menjual Ikan Kering, Ikan Masin, Udang Kering



(Sumber Kajian lapangan, 2012)

Gerai ikan kering dan udang kering juga boleh didapati di Tamu Kianggeh (Lihat Gambar 5 dan Gambar 6). Di gerai ini ikan kering dan udang kering boleh dibeli mengikut kuantiti yang dikehendaki pengunjung. Harga

boleh ditawarkan oleh pengunjung. Peniaga yang bermurah hati akan melebihi kuantiti belian pengunjung, selepas pengunjung bersetuju untuk membelinya.

Lain-lain Barang Jualan

Selain daripada barang-barang jualan di atas, terdapat juga peniaga yang menjual kayu api bagi kegunaan membakar ikan salai dan sebagainya. Sementara itu di bahagian luar, iaitu di tepi jalan masuk ke Tamu terdapat para peniaga yang menjual binatang ternakan seperti ayam, kucing, *hamster*, itik, dan ikan *dalak* (haruan).

Gambar 7: Antara Hasil Perusahaan Tangan Seperti Parang dan Sesaban Kayu



(Sumber: Kajian lapangan, 2012)

Di samping gerai binatang ternakan tersebut, terdapat pula peniaga yang menjual benih tumbuh-tumbuhan seperti pokok mangga, pinang, pisang, *gelagah* (tebu), lada dan sebagainya. Dalam pada itu terdapat juga peniaga yang menjual hasil kerja tangan seperti tudung saji, tikar, dan hasil dari hutan seperti *limpanas*, langir, dan tongkat-tongkat dengan harga yang berpatutan.

Kos Sewa Tempat Berniaga

Sewa bagi premis perniagaan di Tamu Kianggeh ini terbahagi kepada dua, iaitu peniaga yang menggunakan kawasan beratap yang disediakan oleh Jabatan Bandaran dan peniaga yang menggunakan payung sendiri. Kos penyewaan gerai di Tamu Kianggeh sebanyak B\$175.00 setahun bagi kawasan yang

beratap. Bagi peniaga yang menggunakan payung sendiri dikenakan bayaran sewa sebanyak B\$1.00 (Satu Ringgit sahaja) bagi setiap hari Jumaat dan hari Ahad. Peniaga yang berjualan menggunakan payung sendiri bagi hari Isnin hingga Khamis dan hari Sabtu tidak dikenakan sebarang bayaran.

Kerajaan telah membuat penambahbaikan dengan menyediakan banyak kemudahan untuk kemudahan para peniaga dan pembeli. Semua jenis kemudahan di Tamu Kianggeh disediakan oleh pihak kerajaan, di antaranya termasuklah tandas awam, surau, tempat letak kereta berbayar berjumlah B\$1.00 dalam masa satu jam, tong sampah untuk mengekalkan kebersihan, dan juga penambahan payung baru. Pihak kerajaan juga turut menyediakan tiga buah jambatan sebagai penghubung ke tamu ini bagi memudahkan pengunjung untuk mendapatkan barang-barang yang diperlukan dan juga bagi memudahkan peniaga untuk membawa barang-barang ke gerai jualan mereka. Para peniaga di Tamu ini memperoleh hasil pendapatan yang tidak menentu disebabkan barangan jualan para peniaga kebanyakannya mempunyai persamaan dengan peniaga-peniaga yang lain.

Kesimpulan

Pembangunan dan kemajuan di kawasan daratan telah mengalihkan aktiviti perniagaan dari air ke darat. Ini tergambar di mana setelah pupusnya padian yang berjaja di Kampong Ayer, maka penduduk Kampong Ayer telah mula beralih ke kawasan Tamu Kianggeh untuk mendapatkan pelbagai keperluan barangan harian. Tamu Kianggeh sememangnya telah menjadi tarikan kepada penduduk tempatan, dan juga para pelancong dari luar negeri. Ini disebabkan banyak barang-barang yang menjadi tarikan kepada mereka. Selain barang-barang yang dijual dalam keadaan segar, harga yang ditawarkan juga secara relatifnya murah dan berpatutan, berbanding dengan harga di kedai-kedai di bandar. Secara umum dapat dikatakan bahawa Tamu Kianggeh masih mengekalkan perniagaan barangan tradisi, yang diperlukan dalam kehidupan seharian penduduk yang tinggal di Brunei Darussalam. Perniagaan sebahagian besarnya diurus kendalikan oleh golongan wanita yang sebelum ini merupakan golongan padian. Perniagaan tidak benar-benar bermotifkan keuntungan. Mereka berniaga kerana ingin memenuhi masa lapang, bertemu saudara mara dan rakan taulan. Ini terbukti daripada cara perniagaan yang amat berlebih kurang, boleh tawar menawar, bersedekah dan sangat tidak formal. Selain daripada itu kuantiti barangan yang diperniagakan adalah sedikit dan mungkin juga tidak begitu ekonomik. Bagaimana pun yang lebih menarik, ialah hubungan silaturahim yang diwujudkan di antara peniaga dengan pembeli. Hubungan baik ini membolehkan hal semasa seperti

pertunangan, perkahwinan, sakit pening, kematian, kelahiran dan sebagainya yang berlaku dalam masyarakat setempat diketahui dan diambil peduli di antara dua pihak. Hubungan yang baik ini juga menyebabkan peniaga dan pembeli sentiasa memperlihatkan sikap yang baik dan bersopan-santun semasa berinteraksi sesama mereka.

Tamu Kianggeh kini merupakan salah satu tempat yang dikunjungi oleh pelancong asing. Selain untuk mengenali kehidupan penduduk tempatan, pelancong datang ke tamu ini bagi mencuba makanan tradisi tempatan dan membeli cendera hati dengan harga yang berpatutan. Pelancong dari negara maju, merasakan tamu ini sebagai suatu yang unik. Di tamu ini mereka mendapat pengalaman membeli belah dengan cara tawar menawar, yang tidak lagi pernah berlaku di negara mereka. Selain daripada itu mereka juga dapat merasa suasana ramah mesra penduduk tempatan. Bagi golongan peniaga, khususnya golongan wanita, tamu ini mungkin merupakan satu peluang untuk menambah rezeki, menghilangkan kebosanan, mengadakan aktiviti yang berfaedah di samping dapat meneruskan silaturahim sesama mereka dan sesama penduduk tempatan.

Nota Hujung

¹ Untuk lebih lanjut lihat, lihat Haji Zainuddin Haji Hassan (1996). Lihat juga Abdul Latif Haji Ibrahim (1970).

² Maklumat diperolehi melalui temu bual bersama Haji Hasbi Bin Pehin Khatib Haji Abdullah. Beliau dilahirkan di Kampong Burong Pingai Ayer, pada tahun 1930. Sekarang menetap di Kampong Perpindahan Burong Pingai Berakas. Temu bual dilakukan pada 25 Ogos 2008. Sebahagian teks temubual yang dipetik, "...beliau berhenti sekolah pada tahun 1943 hingga 1947, beliau telah ikut berniaga mengalu dengan bapa saudaranya Awang Taha Bin Abu Bakar dan abang sepupunya Haji Awang Metali Bin Abdullah. Beliau menjalankan perniagaannya bersama saudaranya dengan cara bertukar-tukar barang (barter trade) ke kawasan kampung-kampung seperti Kampong Limau Manis, Kampong Pengkalan Batu dan Kampong Masin dengan menggunakan perahu."

³ Maklumat diperolehi melalui temu bual bersama Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya Bin Haji Ibrahim, beliau berasal dari Kampong Lurong Sekuna di Kampong Ayer. Temu bual dilakukan pada 2 Jun 2009. Petikan di atas diubahsuai bahasanya dari teks asal kerana dialek Kampong Ayer ada yang sukar difahami oleh pembaca khususnya orang luar. Sebahagian teks asal temubual yang dipetik, "...pekerjaan masa itu macam orang sepanggal, pengalu tu during di antara orang yang mula-mula memakai outboat di Kampong Lurong Sekuna. Outboat kegunaan untuk mengalu ke Sabah ke Sandakan ke mana bah tu, dibawanya baliktah pisangtah barastah tah apa macam-macam itu...".

⁴ Maklumat diperolehi melalui temu bual bersama Haji Hasbi Bin Pehin Khatib Haji Abdullah. Beliau dilahirkan di Kampong Burong Pingai Ayer, pada tahun 1930. Sekarang menetap di Kampong Perpindahan Burong Pingai Berakas. Temu bual dilakukan pada 25

Ogos 2008. Sebahagian teks temubual yang dipetik, "...pada tahun 1948 hingga 1949 beliau berserta dengan saudara-saudaranya yang lain iaitu Awang Metali Bin Abdullah, Haji Awang Ghafar Bin Mat Serudin dan Haji Awang Abd Rahman Bin Yaakub telah mencuba berniaga ke Sarawak iaitu Miri dan Bintulu dengan membawa barang-barang tembaga daripada Brunei untuk diperniagakan dan hasil pendapatan mereka boleh dikatakan cukup makan." Lihat juga, buku *Majlis Sambutan Jubli Emas Kampong Burong Pingai Berakas*, Negara Brunei Darussalam, pada Ahad, 2 Syaaban 1424 H/rah bersamaan 28 September 2003.

⁵ Berbalasan ringgit bermaksud harga yang dalam lingkungan sebelas hingga sembilan belas ringgit sahaja \$11.00 hingga \$19.00 mengikut nilai duit pada masa itu.

⁶ Maklumat diperolehi melalui temu bual bersama Haji Abu Bakar Bin Budin, berumur 73 tahun. Beliau pernah tinggal di Kampong Lurong Sikuna dan kemudian berpindah ke Kampong Peramu di Kampong Ayer. Setelah rumah beliau terbakar pada tahun 1991, beliau telah berpindah ke Rancangan Perpindahan Perumahan Negara. Temu bual dilakukan pada 21 Mac 2008. Petikan di atas diubahsuai bahasanya dari teks asal kerana dialek Kampong Ayer ada yang sukar difahami oleh pembaca khususnya orang luar. Sebahagian teks temubual yang dipetik, "... daulu bekayuh ke laut atau bekayuh nada betitian di Kampong Peramu ah, tahun 50an. Daulu nada moto, bapamuembali jumpung, mengambil aying tah tu di Subuk. Harga jumpung atu bebalasan ringgit ganya, eh si Dayang lapas mulih sekulah mengangkut tah aying bebaldi menyasah".

⁷ Maklumat diperolehi melalui temu bual bersama Awang Haji Abdul Majid Bin Haji Tuah. Beliau berasal dari Kampong Sungai Pandan di Kampong Ayer dan sekarang menetap di Kampong Burong Pingai Ayer.

Bibliografi

- Abdul Latif Haji Ibrahim. (1970). Padian, its markets and the women vendors. *Brunei Museum Journal*, 2(1), 39-51.
- Haji Abdul Latif Haji Ibrahim. (2007). Bedil Brunei: Imbasan sumbangan ketamadunan. Dalam *Pemuliharaan sejarah dan tamadun Borneo*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Hirth, F., & Rockhill, W. W. (1970). *Chau Ju-Kua: His work on the Chinese and Arab trade in the twelfth and thirteenth centuries, entitled Chu-Fan-Chi*. Taipei: Cheng-Wen Publishing Company.
- Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer Brunei Darussalam*. (n.d.). Bandar Seri Begawan: Tourism Development Department, Ministry of Industry and Primary Resources.
- Haji Muhammad Amin Bin Hassan. (2004). Boxer Codex: Rakaman sejarah Brunei di akhir abad ke-XVI. *Jurnal Darussalam*, 5, 87-124.
- Haji Zainuddin Haji Hassan. (1996). Pengalu dan Padian di Brunei: Satu pengenalan ringkas. *Jurnal Pusaka*, 5, 177-180.
- Lamat Ja'afar. (1979). Pertukangan tembaga di Brunei. *Bahana*, 14(29), 18-22.

Dari Padian Ke Tamu Kianggeh: Perubahan Corak Perniagaan Peniaga-Peniaga Kecil di Bandar Seri Begawan, Brunei (From Padian to Tamu Kianggeh: Changes of Small Scale Business Style in Bandar Seri Begawan, Brunei)

Nicholl, R. (Ed.). (1975). *European sources for the history of the Sultanate of Brunei in the sixteenth century*. Bandar Seri Begawan: Muzium Brunei.

Sharifuddin, P. M. (1969). Brunei Cannons, *Brunei Muzeum Journal*, 1(1), 72-93.

Temu Bual

Awang Haji Abdul Majid Bin Haji Tuah. Beliau pernah tinggal di Kampong Sungai Pandan dan sekarang menetap di Kampong Burong Pingai Ayer.

Haji Hasbi Bin Pehin Khatib Haji Abdullah. Beliau berasal dari Kampong Burong Pingai Ayer. Beliau sekarang menetap di Kampong Perpindahan Burong Pingai Berakas.

Haji Abu Bakar Bin Budin. Beliau pernah tinggal di Kampong Lurong Sikuna dan kemudian berpindah ke Kampong Peramu di Kampong Ayer. Beliau telah berpindah ke Rancangan Perpindahan Perumahan Negara.

Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya Bin Haji Ibrahim. Beliau berasal dari Kampong Lurong Sekuna di Kampong Ayer. Beliau sekarang menetap di Kampong Manggis.